

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [ KANGAR ]**

**SOALAN NO. 331**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapa ramaikah usahawan menerima geran Kerajaan sejak 5 tahun lalu dan adakah usahawan yang menerima geran berulang atau bertindih daripada agensi berbeza.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan secara pemberian geran penuh atau geran sepadan (*matching grant*) meliputi pelbagai agensi Kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan (MED). Antara jenis geran yang disediakan oleh MED adalah Geran Penyelidikan dan Pengkomersialan Vendor Bumiputera (GPPV) yang bertujuan membantu penyelidikan dan pengkomersialan produk atau perkhidmatan baharu oleh syarikat vendor di bawah Program Pembangunan Vendor (PPV).

2. Setiap pemohon GPPV perlu menyatakan dengan jelas di dalam permohonan sama ada pernah mendapat pembiayaan daripada sumber lain seperti pembiayaan daripada bank komersial atau bantuan geran/ pinjaman daripada Agensi Kerajaan lain. Pemohon juga diminta untuk memperincikan skop dan peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau pengkomersialan yang sedang atau telah menerima geran daripada agensi Kerajaan lain.

3. Setiap permohonan GPPV akan disaring melalui mekanisme Jawatankuasa Strategik yang dianggotai oleh panel penilai yang dilantik mengikut bidang kepakaran masing-masing. Di samping itu, pemberian geran di bawah GPPV juga adalah bersasar dan hanya terbuka kepada syarikat vendor yang menyertai PPV. Ini secara tidak langsung telah mengurangkan risiko pemberian geran berulang bagi projek yang sama oleh beberapa agensi Kerajaan. GPPV kini mempunyai 23 projek dengan nilai keseluruhan sebanyak RM15,270,630 yang telah menerima manfaat GPPV dan keseluruhan projek adalah daripada syarikat vendor yang berlainan.

Sekian, terima kasih.